

06 APR 1998

Mahathir-Kebebasan

KEBEBASAN BERSUARA TIDAK TERHAKIS, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 6 April (Bernama) -- Keputusan Mahkamah Rayuan yang menjatuhkan hukuman penjara terhadap anggota Parlimen DAP bagi Kota Melaka Lim Guan Eng baru-baru ini melibatkan proses kehakiman semata-mata dan tidak menjejaskan kebebasan bersuara di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata sekiranya seseorang membuat sesuatu tuduhan yang tidak berasas, undang-undang mesti dijalankan.

"Kebebasan bersuara tidak terjejas," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di sini.

Dr Mahathir mengulas dakwaan sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa bahawa kebebasan bersuara di Malaysia sudah terjejas berikutan keputusan mahkamah itu.

Lim dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan oleh mahkamah berkenaan 1 April lalu setelah membuat keputusan bahawa hukuman denda RM15,000 ke atasnya oleh Mahkamah Tinggi Melaka tahun lalu kerana menerbitkan risalah mengandungi berita palsu tidak setimpal dengan kesalahan.

Lim, 38, didenda RM10,000 atau penjara enam bulan oleh Mahkamah Tinggi itu pada 28 April tahun lalu kerana menerbitkan risalah pada Januari 1995 bertajuk "Ceramah Kisah Benar" yang didapati mengandungi berita palsu dan denda RM5,000 atau penjara tiga bulan kerana menghasut ketika berceramah di Hotel Emperor di Melaka pada 19 Jan 1995.

Dr Mahathir berkata keadilan adalah sama untuk semua, tidak kira sama ada seseorang itu daripada parti kerajaan atau pembangkang.

"Tidak boleh kerana kita nak buktikan kepada dunia bahawa Malaysia ada kebebasan atau mahkamah bebas daripada tekanan politik, kita tidak boleh mengenakan hukuman ke atas seseorang (dari parti pembangkang) mengikut undang-undang," katanya.

Beliau berkata sejarah telah menunjukkan tindakan undang-undang turut dikenakan terhadap menteri dan menteri besar.

"Dulu Abdul Rahman Talib pun kena... dia seorang menteri (pendidikan)," katanya.

Perdana Menteri berkata masalah itu sengaja diberi gambaran oleh masyarakat luar seolah-olah orang Asia tidak boleh mengamalkan demokrasi.

Dr Mahathir berkata sebenarnya rasuah dan ketidakadilan berlaku di semua negara.

"Tetapi gambaran diberikan kononnya Asia lebih buruk sedangkan mereka boleh kenakan sekatan," katanya.

Ditanya sama ada keputusan mahkamah ke atas Guan Eng didorong oleh faktor politik, beliau berkata: Saya tidak boleh cakap ... tetapi sejarah menunjukkan bahawa mahkamah pernah menjatuhkan hukuman ke atas menteri dan menteri besar,"

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengulangi pendirian parti itu untuk mengenakan tindakan ke atas pemimpin yang didapati bersalah terbabit dengan politik wang walaupun sudah dipilih semasa pemilihan Umno bahagian yang berakhir baru-baru ini.

Mengenai keupayaan Umno untuk menyiasat dakwaan mengenai politik wang, beliau berkata "Kita bukan pakar dalam bidang ini (penyiasatan) tetapi kita boleh soal siasat mereka yang terbabit dan sekiranya ada bukti nyata maka tindakan akan diambil," katanya.

Selain Umno, polis dan Badan Pencegah Rasuah (BPR) juga ada menyiasat apabila menerima aduan mengenai politik wang, katanya.

Mengenai perjalanan mesyuarat Umno bahagian baru-baru ini, beliau berkata pada umumnya ia berjalan lancar dan ramai yang mematuhi nasihat mengelakkan pertandingan merebut jawatan.

Dr Mahathir turut menyerahkan empat ekor lembu di sini petang ini untuk dijadikan korban semasa perayaan Hari Raya Haji esok.

Lembu-lembu itu diserahkan kepada Kem Tentera Tok Jalai, Masjid Kampung Padang Limau di Tunjang, Masjid Pendang dan Masjid Titi Gajah. -- BERNAMA

JM AKD